



## SIARAN MEDIA

---

### **SENSORii TAMPIL BAKAT KARYA SENI ARTIS MULTIMEDIA TEMPATAN, TUTUP TIRAI AITC 2021**

- CENDANA memberi nafas baharu dan merancakkan ekonomi seni budaya Bandaraya Kuala Lumpur dan seterusnya ke beberapa negeri melalui Art In The City 2021
- Tambahan 2,500 peluang pekerjaan dicipta sepanjang Art In The City 2021

**KUALA LUMPUR, 14 DISEMBER 2021** – Art In The City (AITC) 2021 anjuran Agensi Pembangunan Ekonomi Seni Budaya (CENDANA) di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) yang telah berlangsung selama tiga bulan bermula pada awal Oktober 2021 akan ditutup dengan rasminya oleh Menteri Komunikasi dan Multimedia, YB Tan Sri Datuk Seri Panglima TPr Annuar Haji Musa pada 14 Disember 2021 di REXKL, Jalan Sultan, Kuala Lumpur.

Tan Sri Annuar dalam ucapannya menyatakan, industri kreatif yang merangkumi Multimedia, Seni Budaya dan Warisan telah menjadi semakin penting, bukan sahaja sebagai sumber hiburan dan pembangunan budaya semata-mata, malah berpotensi besar untuk menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Justeru, Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) telah mengiktiraf industri kreatif sebagai salah satu industri strategik dan berimpak tinggi yang akan diberikan tumpuan khusus.



Beliau turut menyatakan, Kerajaan melalui KKMM mengiktiraf kepentingan peranan seni dan budaya untuk negara, bukan sahaja dari aspek ekonomi tetapi juga perspektif kemanusiaan. Pemulihan dan pembinaan semula aktiviti seni budaya secara tidak langsung akan ‘mengubati’ jiwa negara dan Keluarga Malaysia yang terkesan dengan pelbagai cabaran susulan pandemik COVID-19. Sehubungan itu, KKMM mempelawa komuniti seni untuk bekerjasama dengan Kementerian melalui Pasukan Petugas Kreatif bagi mewujudkan ekosistem yang sistematik supaya industri kreatif negara dapat terus berkembang luas, ujanya lagi.

Penganjuran edisi ketiga AITC 2021 yang juga merupakan acara tahunan CENDANA ini telah mencapai kejayaan signifikan meskipun terpaksa beradaptasi dengan norma baharu, dengan sokongan, kerjasama, dan komitmen daripada 54 rakan usaha sama yang terlibat.

AITC 2021 menampilkan pelbagai inisiatif seperti penganjuran Forum Ekonomi Kreatif Kuala Lumpur, pengenalan Studio C di Pameran Seni Hotel CIMB, Kelas Seni Terbuka, bengkel Potongan Cukai Korporat, pelancaran kerjasama TripART, festival KLWKND, instalasi cahaya The Light Project, SENSORii, Simposium NCC50 dan banyak lagi pembangunan industri seni budaya demi memacu taraf ekonomi komuniti tempatan.

REXKL merupakan lokasi Pameran Media Seni Sensorium of Inversion/Immersion (SENSORii) yang menutup tirai AITC 2021 dan akan berlangsung sehingga 28 Disember 2021. Ia merupakan pameran seni media



yang menampilkan bakat-bakat karya seni artis multimedia tempatan seperti Lim Kok Yoong & KC Tan, Wee Jia Foong, FLUX 28 dan Ashly Nandong & Azarikh Amran, berserta iringan muzik yang digubah oleh Ahmad Muriz Che Rose.

Dikendalikan kurator tersohor bertaraf antarabangsa, Yap Sau Bin manakala bahagian teknikal diterajui oleh Melissa Teoh, SENSORii mengungkap realiti kehidupan seharian kota dalam konteks urban selain tempat dan persekitaran yang didiami serta ruang yang dihuni dengan teknik artistik dan kepelbagaian teknologi.

CENDANA beriltizam untuk terus mengungguli inisiatif memacu ekonomi seni budaya Malaysia dan berusaha menjadikan Malaysia sebagai destinasi seni budaya serantau. Ini amat penting dalam usaha Kerajaan membuka semula kemasukan pelancong, meningkatkan profil ahli seni tempatan dan mempromosi bakat komuniti industri ini.

**Dikeluarkan oleh:**

**Unit Komunikasi Korporat**

**Agensi Pembangunan Ekonomi Seni Budaya (CENDANA)**